



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

Keratan Akhbar

Berita Online

i

Berita
Online

24 JAM

BERITA

KPDN

KERATAN AKHBAR & BERITA ONLINE

Untuk makluman:

- | | |
|--|---|
| <ul style="list-style-type: none">● YB Menteri● YB Timbalan Menteri● YBhg. KSU | <ul style="list-style-type: none">● YBhg. TKSU (PPDN)● YBhg. TKSU (PP)● Setiausaha Akhbar |
|--|---|

Tarikh: 25 JUN 2024



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR **KPDN**

Penyasaran subsidi diesel mula berhasil

Jualan di sempadan turun 40 peratus

Sejak harga diesel diapungkan 10 Jun lalu, jualan diesel di sempadan negara menunjukkan penurunan 40 peratus, sekali gus mengesahkan memang wujud aktiviti penyeludupan yang menyebabkan ketirisan subsidi kerajaan. Pada masa sama, jualan diesel komersial meningkat 4 juta liter sehari yang memberi isyarat sebahagian penggunaan diesel runcit bersubsidi selama ini telah digunakan oleh sektor industri yang sepatutnya beli diesel pada harga pasaran.

Oleh Mohd Nasaruddin Parzi dan Farah Marshita Abdul Patah → Nasional 3

Penyasarhan subsidi diesel

Penurunan jualan di sempadan sahkan wujud aktiviti seludup

Diesel komersial dijual 4 juta liter sehari ber petanda ketirisan sudah berkurangan

Oleh Mohd Nasaruddin Parzi
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Jualan diesel di stesen minyak berchampiran sempadan negara, menunjukkan penurunan 40 peratus sejak lalu jual menggumikan pengapungan harga subsidi.

Jumlah itu berdasarkan laporan diterima daripada sebuah syarikat minyak yang menguruskan stesen minyak di sempadan negara.

In sekali dia mengesahkan memang wujud aktiviti penyeludupan bahan api ke negara bersempadan sebelum ini.

Pada masa sama, jualan diesel komersial pula meningkat sebaiknya empat juta liter sehari yang memberikan isyarat sebahagian penggunaan diesel runcit ber subsidi selama ini, digunakan sektor industri yang sepatutnya membeli diesel pada harga pasaran.

Menteri Kewangan II, Datuk Seri Amir Hamzah Azizan yang mendedahkan butiran itu, ber kata laing penyasarhan subsidi diesel bermula 10 Jun lalu juga menyaksikan purata jumlah jualan runcit di stesen minyak menurun hampir lapan juta liter sehari atau 30 peratus pada ming-

gu pertama, berbanding minggu sebelumnya.

Trend peningkatan jualan diesel komersial pula menggambarkan tanda positif bahawa ketirisan diesel bersubsidi sotan berkurangan," katanya pada sesi penerangan menteri berkaitan penyasarhan subsidi diesel oleh kerajaan di Dewan Rakyat, semalam.

Mengulas lanjut, beliau berkata, pengapungan harga diesel tidak bermaksud kerajaan memangsukan sepenuhnya subsidi ke atas bahan bakar itu, kerana ketika ini kerajaan masih memungung sehingga RM10 bilion, menturun berbanding RM14 bilion tahun lalu, sekali gus menyaksikan penjimatan RM4 bilion setahun.

Kerajaan mampu meraih penjimatan tahunan sebanyak RM4 bilion. Penjimatan ini tentunya dapat dimanfaat untuk menambah baik munasipat rakyat melalui penyediaan infrastruktur awam berkualiti serta perlindungan sosial yang lebih menyeluruh," katanya.

Beliau berkata, perbelanjaan subsidi diesel negara sudah meningkat 10 kali ganda iaitu daripada RM1.4 bilion pada 2019, kepada RM14.3 bilion pada tahun lalu.

Trend kenaikan subsidi diesel ini tidak mampu lagi ditampung kerajaan secara berterusan. Peningkatan belanja subsidi bukan hanya disebabkan kenaikan harga pasaran tetapi juga akibat peningkatan ketirisan diesel ber subsidi.

"Jumlah diesel bersubsidi yang digunakan naik mendadak, sekitar 80 peratus, iaitu daripada 6.1 billion liter pada 2019 kepada 10.8 billion liter tahun lalu, walaupun tiada peningkatan ken-



Amir Hamzah pada sesi penerangan menteri berkaitan penyasarhan subsidi diesel di Dewan Rakyat, semalam. (Foto: BERNAMA)

deraan diesel baru yang ketara dalam tempoh sama.

"Dalam tempoh masa, jumlah jualan diesel komersial tanpa subsidi pula turun sebanyak dua bilion liter. Peningkatan pengegunaan diesel bersubsidi amat ketara ini disebabkan juring perbezaan harga antara harga komersial dengan harga runcit diesel bersubsidi di pam Malaysia," katanya.

Harga diesel lebih murah

Amir Hamzah berkata, harga runcit diesel Malaysia yang jauh lebih murah berbanding negara jiran, antaranya Thailand sekitar RM4.20 seliter, Indonesia RM4.40 dan Singapura hampir

mencecah RM5 seliter, membentuk sebilangan perniagaan sektor komersial tempatan yang sepatutnya membeli diesel pada harga pasaran mengambil kelebihan memikmati dan menyelenggarakan diesel bersubsidi secara tidak sah.

Contohnya, mereka membeli diesel bersubsidi dari stesen minyak dan disalahgunakan untuk generator di kilang, tapak pembiakan atau ladang sawit.

"Ia yang lebih utama salah akibat harga diesel kita yang amat murah, ia menyebabkan aktiviti penyeludupan diesel ke negara jiran sukar dibendung. Intih yang diemui Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan

Kesaraan Hidup (EPDN) ketika Oppo Tiris," katanya.

Dalam pada itu, Amir Hamzah berkata, setakat 20 Jun lalu, sebanyak 73.000 syarikat membuatkan 223.000 kendaraan pengangkutan barang darat membuat permohonan dan diluluskan untuk memikmati diesel pada harga RM2.15 seliter.

"Setakat 19 Jun lalu, sebanyak 106.000 pemohon di bawah BUDI MADANI Individu dan BUDI MADANI Agri Komoditi sudah diluluskan.

"Daripada jumlah itu, seramai 76.000 pemohon sudah menerima sumbangan tonal bulanan RM200 mereka seawal 10 Jun lalu," katanya.

Yakin capai sasaran KDNK, inflasi tahun ini

Kuala Lumpur: Kerajaan yakin ekonomi negara masih tetap mencapai urutan rasmii keturifflasi dan kadar pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) pada tahun ini, meskipun dengan pelaksanaan penyiasatan semula subsidi diesel.

Menteri Kewangan II, Datuk Seri Amir Hamzah Azizan, berkata kerajaan menyasarkan kadar inflasi di antara 2.0 dan 3.5 peratus, manakala pertumbuhan KDNK antara 4.0 dan 5.0 peratus pada tahun ini.

"Pendekatan penyiasatan se-

mula subsidi diesel yang diambil iaitu menyediakan bantuan bersubsidi kepada sektor logistik dan bantuan tunai bulanan kepada individu akan mengurangkan sejauh mana ke atas harga barang penggiat dan impak inflasi roskut," katanya pada Sesi Pemerintah-Menteri mengenai Pelaksanaan Penyiasatan Semula Subsidi Diesel di Dewan Rakyat semalam.

Amir Hamzah menegaskan, kerajaan masih memangku subsidi diesel sehingga RM16 billion, walaupun ada penurunan

diumgakkan RM4 billion setahun daripada langkah penyiasatan semula subsidi diesel.

Katanya, ini untuk menampung subsidi di Sabah dan Sarawak, subsidi untuk sektor perngantikan awam dan sektor logistik Semenanjung, bantuan tunai untuk pemilik kendaraan individu dan pengusaha kecil agri-komoditi serta subsidi di esel nelayan.

Mengulas mengenai BUDI MADANI, Amir Hamzah berkata, sehingga 19 Jun lalu, sebanyak 100,000 pemohon di bawah

kategori individu dan agri-komoditi diluluskan.

Dari jumlah itu, 76,000 pemohon sudah menerima bantuan tunai selama RM230 seawal 10 Jun lalu.

Amir Hamzah turut menekankan bahawa kerajaan sentiasa memberi perhatian khusus untuk memastikan mekanisme terbaik digunakan bagi melindungi sektor perniagaan dan rakyat yang layak dibantu.

Beliau juga menegaskan, keputusan melaksanakan penyiasatan semula subsidi diesel bu-

kanlah satu langkah mudah untuk diambil dan kerajaan tidak terburu-buru.

Sebutiknya, keputusan itu membabitkan kerajaan bersama kerajaan di bawah Kementerian Kewangan, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kawasan Hidup (KPDN), Kementerian Perindustrian dan Komoditi, Kementerian Perumahan dan Kebersihan Makanan, Kementerian Penganggaran, syarikat minyak serta pemain industri.

HERNAMA

Jualan runcit diesel turun 8 juta liter sehari

Oleh ARIF AIMAN ASROL
dan AIMAN ALI

aiman.ali@mediacilia.com.my

KUALA LUMPUR: Jualan runcit diesel di stesen minyak menurun hampir lapan juta liter sehari atau 30 peratus pada minggu pertama selepas pengumuman penetapan semula harga bahan bakar itu berbanding minggu sebelumnya.

Jualan diesel komersial pula meningkat sebanyak empat juta liter sehari dalam tempoh sama.

Ia memberi gambaran bahawa sebahagian penggunaan diesel runcit bersubsidi selama ini digunakan oleh sektor industri yang sepertinya membeli diesel pada harga pasaran.

Menteri Kewangan II, Datuk Seri Amir Hamzah Azizan berkata, antara maklumat yang diterima adalah jualan diesel di sempadan menunjukkan penurunan sebanyak 40 peratus sejak pelaksanaan harga diesel di Semenanjung.

Menurut beliau, situasi itu mengesahkan sebelum ini memang wujud aktiviti penyeludupan diesel ke negara sempadan.

"Trend peningkatan jualan diesel komersial pula menggambarkan tanda positif bahawa ketirisan diesel bersubsidi sudah berkurang," katanya.

Bersambung di muka 2

Jualan runcit diesel turun 8 juta liter sehari

Dari muka 1

Beliau berkata demikian pada sesi penerangan berhubung pelaksanaan penyasaran subsidi diesel di Dewan Rakyat, semalam.

Harga diesel di semua stesen runcit petrol di seluruh Semenanjung Malaysia ditetapkan pada kadar RM3.35 seliter bermula 10 Jun lalu dan kenaikan sehanyak RM1.20 seliter itu, bagaimanapun boleh berubah setiap minggu mengikut harga semasa.

Menurut Amir Hamzah, kerajaan melaksanakan Op Tiris 3.0 yang mana 570 kes dikendalikan melibatkan sitaan minyak diesel sebanyak lebih 5.1 juta liter dengan anggaran nilai hampir RM12 juta setakat 22 Jun lalu.

Kata beliau, operasi tersebut melibatkan RM46 juta nilai rampasan aset serta peralatan dan 275 tangkapan ke atas individu-individu terlibat.

"Susulan keputusan menyasarkan subsidi diesel mulai 10 Jun lalu, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak Hidup (KPDN) juga menggerakkan Op Kesan 2.0 seawal 2 Mei lalu bagi memantau impak pelaksanaan serta memastikan tiada elemen pencatutan berlaku selaras dengan undang-undang di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011.

"Setakat 20 Jun lepas, sebanyak 2,100 premis diperiksa di seluruh negara. Daripada jumlah tersebut, 210 Notis Bertulis di bawah Seksyen 21 Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 dikeluarkan kepada peniaga di seluruh negara.

"Sehingga kini, sebanyak tujuh kes telah dikenal pasti hasil pelaksanaan operasi berkenaan. Analisis pencatutan akan disediakan bagi tujuan mengesahkan sekiranya wujud sebarang ele-



AMIR Hamzah Azizan semasa sesi penerangan berhubung pelaksanaan penyasaran subsidi diesel di Dewan Rakyat, semalam.

“Analisis pencatutan akan disediakan bagi tujuan mengesahkan sekiranya wujud sebarang elemen mencatut terhadap notis-notis.”

men mencatut terhadap notis-notis,” katanya.

Dalam pada itu, beliau berkata, kerajaan dijangka meraih penjimatan tahunan sebanyak RM4 bilion susulan pelaksanaan penyasaran semula subsidi diesel.

Katanya, penjimatan tersebut akan dimanfaat untuk menambah baik mutu hidup rakyat melalui penyediaan infrastruktur awam berkualiti serta perlindungan sosial yang lebih menyeluruh.

"Perlu juga untuk ditekankan bahawa berbanding dengan kos

subsidi diesel RM14 bilion tahun 2023, penjimatan RM4 bilion setahun bermakna kerajaan masih menanggung subsidi diesel sehingga RM10 bilion.

"Antaranya untuk menampung subsidi di Sabah dan Sarawak (RM3 bilion), subsidi untuk sektor pengangkutan awam dan sektor logistik di Semenanjung Malaysia (RM4 bilion), bantuan tunai untuk pemilik kendaraan individu dan pengusaha kecil agri-komoditi (RM2 bilion) serta subsidi diesel nelayan (RM1 bilion).

"Maknanya, walaupun kerajaan mengambil langkah menyasarkan subsidi bagi mengurangkan ketirisan dan penyeludupan tetapi golongan yang memerlukan akan terus menerima bantuan dan subsidi diesel," katanya.

Kata beliau, ekonomi negara masih mencapai unjuran rasmi kerajaan terhadap kadar inflasi tahun ini iaitu antara dua peratus hingga 3.5 peratus dengan kadar pertumbuhan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) antara empat ke lima peratus.

180,000 kenderaan tidak daftar SKDS 2.0 - Anthony Loke

'Tidak mohon, jangan salahkan kerajaan'

Oleh MOHD. HUSNI
MOHD. NOOR
utusannews@mediamalaya.com.my

SEPANG: Kementerian Pengangkutan mengingatkan lebih 180,000 kenderaan pengangkutan barang supaya segera mendaftar dengan Sistem Kawalan Diesel Bersubsidi (SKDS) 2.0 bagi menikmati harga subsidi diesel ditawarkan kerajaan.

Menterinya, Anthony Loke berkata, kerajaan sudah memberi ruang secukupnya untuk mereka mendaftar dan tidak hanya memyalahkan kerajaan.

"Kalau tidak (mendaftar) mereka akan salahkan kerajaan pula, kata tak bagi subsidi menyebabkan mereka naikkan harga barang. Tanggungjawab mereka untuk daftarkan diri dalam SKDS 2.0," katanya selepas menyaksikan majlis memorandum persefahaman (MoU) antara Batik Air dan KIA di sini semalam.

Sebelum ini, Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negri dan Kos Sarawak (KPDN) Fuziah Salleh berkata, terdapat 389,000 kenderaan kategori itu yang didaftarkan dengan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), tetapi hanya 209,000 sahaja yang telah mendaftar di bawah SKDS 2.0.

Sejumlah 33 jenis kenderaan pengangkutan awam dan barang boleh menikmati diesel



ANTHONY Loke Siew Fook (empat dari kanan) menyaksikan majlis menandatangani dokumen perjanjian persefahaman (MoU) antara Batik Air dengan Kia di Sepang, semalam. - UTUSAN/FAISOL MUSTAFA

bersubsidi pada harga RM2.15 seliter.

Mengenai harga tiket penerbangan, Loke berkata, kerajaan tidak ada kuasa mengawalnya kerana ia bersifat dinamik dan ditentukan oleh pasaran.

Bagaimanapun, kata beliau, ketika musim perayaan, kerajaan menetapkan harga maksimum bagi penerbangan domestik yang dibayai menerusi subsidi oleh kerajaan.

"Bagi harga tiket penerbangan antarabangsa pula, kerajaan tiada mekanisme tertentu bagi

mengawal harga penerbangan berkenaan," katanya sebagai mengulas kenyataan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan AirAsia Aviation Group, Bo Lingam yang mendakwa harga tiket penerbangan seperti tiada tanda untuk turun pasca pandemik Covid-19.

Kata Loke, kenaikan harga tiket boleh diatasi dengan mewujudkan lebih banyak persaingan dan kekerapan penerbangan.

"Batik Air akan memperkenalkan 20 pesawat baharu dalam enam bulan menjadikan 50 pesawat menjelang akhir tahun ini.

"Bila ada banyak pesawat dan kekerapan penerbangan maka, harga tiket akan ditentukan oleh pasaran. Pelanggan boleh memilih penerbangan mengikut keupayaan mereka," katanya.

Terdahulu, Loke menyempurnakan majlis pelancaran perkhidmatan pemindahan terminal swasta premium bagi penumpang kelas perniagaan Batik Air.

Penumpang kelas perniagaan Batik Air akan mendapat perkhidmatan pemindahan mewah antara Terminal Utama dan Bangunan Satelit di Terminal 1 KLIA.

Penyeludupan bahan api berkurangan selepas pelaksanaan penyasaran subsidi

Jualan diesel di sempadan menurun

Oleh RASDAN AHMAD
dan ZULKIFLI MANZOR

KUALA LUMPUR — Perjundian minyak diesel di sempadan negara mencatat peraturan ketara sehingga 40 peratus sejak kerajaan mengumumkan penyasaran subsidi bahan bakar itu bermula 10 Jun lalu.

Mensteri Kewangan II, Datuk Seri Amir Hamzah Azizan berkata, situasi itu mengesahkan momong wujud aktiviti penyeludupan bahan api ke negara sempadan sebelum ini.

Katanya, larangan penyasaran subsidi diesel itu menyaksikan jumlah jualan runcit di negeri Sungai Nusajiran hampir lapan juta liter sehari atau 30 peratus untuk minggu pertama berban diri mangru sebelumnya.

"Selain itu, jualan diesel komersial juga meningkat sebaiknya empat juta liter sehari yang memberi isyarat bahawa setiap bagian penggunaan diesel run-

DEWAN RAKYAT

ci bersubsidi selama ini sudah digunakan oleh sektor industri yang sepatutnya membeli diesel pada harga pasaran.

"Ini bermakna, trend peningkatan jualan diesel komersial menggambarkan tanda positif bahawa ketrisian diesel bersubsidi sudah berkurang," katanya pada sesi penerangan menteri berkaitan penyasaran subsidi diesel oleh kerajaan di Dewan Bakiut semalam.

Katanya, pengupahan harga diesel tidak bermakna kerajaan memansuhkan sepenuhnya subsidi ke atas bahan bakar itu, sebaliknya kerajaan masih me-

turunkan subsidi diesel sehingga RM18 billion, menurun berbanding RM19 billion tahun lalu sekali gus menyaksikan penyrimat RM4 billion setahun.

"Kerajaan mampu merah pengimatan tahunan sebanyak RM4 billion. Pengimatan ini tentunya dapat dimanfaat untuk memangsah baik rakyat maupun rakyat melalui penyediaan infrastruktur awam berkualiti serta pemindangan sosial yang lebih menyeluruh," katanya.

Beliau berkata, perbelanjaan subsidi diesel negara sudah meningkat 10 kali ganda iaitu daripada RM1.4 billion pada 2019, kepada RM14.3 billion pada tahun lalu.

"Trend kenaikan subsidi diesel ini tidak mampu lagi dirampung kerajaan secara berterusan. Penagihan befarza subsidi bukan hanya disebabkan kenaikan harga pasaran, tetapi juga akibat peningkatan ketrisian diesel bersubsidi," katanya.



PELAKSANAAN penyasaran subsidi memberi penjimatatan sebanyak RM4 billion kepada kerajaan setiap tahun.

Harga barang masih terkawal

KUALA LUMPUR — Sebanyak 2,790 premis perniagaan diperiksa sejak penyaraan subsidi diesel dilaksanakan pada 10 Jun hingga 23 Jun 2024 lalu dengan 210 notis bertulis dan tujuh kes dibuka untuk siasatan.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak Hidup (KPDN), Fuziah Salleh berkata, sebulan sebelum penyaraan subsidi itu, pihaknya telah melakukan pra Ops Kesaran iaitu mengutip maklumat atau data berkenaan harga-harga barang dan perkhidmatan.

Justeru katanya, pihaknya mempunyai data diperlukan bagi menyekat pihak yang cuba mengambil kesempatan menaikkan harga barang.

"Kita mendapati beberapa hari pertama ada pihak cuba ambil kesempatan (menaikkan harga), tetapi selepas kita keluarkan notis dan minta jawab kenapa harga naik sebab kita dah ada data awal, kita dapat keadaan adalah terkawal."

"Pihak yang hendak ambil kesempatan mungkin berfikir banyak kali selepas kita panggil syarikat-syarikat yang kita

rasakan tidak wajar naikkan harga barang. Kita ada data dan setiap hari kita periksa harga lebih 480 item," katanya pada sidang Dewan Rakyat di sini semalam.

Beliau menjawab soalan tambahan Datuk Seri Richard Riot Jaem (**GPS-Serian**) berhubung tindakan bakal diambil KPdn supaya harga barang tidak melambung naik dengan mendadak susulan penyerasan subsidi.

Menjawab soalan tambahan Muhammad Fawwaz Mohamad Jan (**PN-Permatang Pauh**), Fuziah menjelaskan, kerajaan ketika ini memberi tumpuan terhadap sektor logistik kerana ia merupakan penyumbang terbesar kepada kos harga barang.

Menurut beliau, kerajaan memberi 'fleet card' kepada syarikat pengangkutan yang membawa barang keperluan untuk memastikan tiada tambahan terhadap kos pengangkutan barang keperluan.

"Sektor pembinaan ketika ini belum ada, namun libat urus sentiasa berterusan dan jawa-tankuasa rayuan boleh meneliti keadaan tersebut," katanya.



PENGUAT kuasa KPdn ketika melakukan pemeriksaan di sebuah premis di Bandar Bukit Puchong, Puchong, Selangor baru-baru ini.

Bisnes



LANGKAH penyaraan subsidi bermula 10 Jun lalu menyaksikan jumlah jualan runcit diesel di stesen minyak menurun hampir tiga juta liter setari atau 30 peratus untuk minggu pertama selepas pengumuman penetapan semula harga diesel berbanding minggu sebelum pengumuman.

JUALAN DIESEL MENURUN 40%

Oleh Mohd Nasaruddin Parzi
www.malaymail.com.my

Kuala Lumpur

Jualan diesel di sempadan memanjudkan penurunan 40 peratus sejak kerajaan mengumumkan pengapungan harga subsidi diesel, sekali gus mengesahkan wujud aktiviti penyeludupan diesel ke negara sempadan sebelum ini.

Menteri Kewangan II, Datuk Seri Amir Hamzah Azizan berkata, tanakah penyaraan subsidi bermula 10 Jun lalu menyaksikan jumlah jualan runcit diesel di stesen minyak menurun hampir tiga juta liter sehari atau 30 peratus untuk minggu pertama selepas pengumuman penetapan semula harga diesel berbanding minggu sebelum pengumuman.

"Sekian itu, jualan diesel komersial pula meningkat sebanyak empat juta liter sehari yang memberi isyarat bahwa sebahagian penggunaan diesel runcit bersubsidi selama ini, sudah digunakan oleh sektor industri yang sepatutnya membeli diesel pada harga pasaran.

"Iti bermakna, trend pe-

ngkatan jualan diesel komersial menggambarkan tanda positif ketirisan diesel bersubsidi turun dua bilion liter dalam tempoh itu," katanya.

Mengikut limbur, beliau berkata, pengapungan harga diesel tidak bermaksud kerajaan mematuhkan sepenuhnya subsidi ke atas bahan bakar itu memandangkan ketika ini, kerajaan masih menanggung subsidi diesel sehingga RM10 bilion, memutus berbanding RM14 bilion tahun lalu, sekali gus memaksakan penjimatan RM4 bilion setahun.

"Kerajaan mampu raih penjimatan tahunan RM4 bilion. Penjimatan ini tentunya dapat dimanfaat untuk membahagi hasil mutu hidup rakyat melalui penyediaan infrastruktur awam berkualiti serta per-

lindungan sosial yang lebih menyeluruh," katanya.

Beliau berkata, perbelanjaan subsidi diesel negara meningkat 10 kali ganda

taut daripada RM14 bilion pada 2010, kepada RM143 bilion pada tahun lalu.

Trend kenaikan subsidi diesel ini tidak mampu lagi ditampung kerajaan secara berterusan. Peningkatan belanja subsidi bukan hanya disebabkan kenaikan harga pasaran, tetapi juga akibat peningkatan ketirisan diesel bersubsidi.

"Jumlah diesel bersubsidi digunakan naik mendaik 30 peratus iaitu daripada 6.1 bilion liter pada 2010 kepada 10.8 bilion liter tahun lalu, walaupun tiada peningkatan sendiri dalam baharu yang katanya dalam tempoh sama.

"Pada musim sama, jumlah jualan diesel komersial tiba-tiba turun dua bilion liter dalam tempoh itu. Peningkatan penggu-

naan diesel bersubsidi amat ketara ini disebabkan jarak perbezaan harga besar antara harga komersial dengan harga runcit diesel bersubsidi di pasaran Malaysia," katanya.

Katanya, harga runcit diesel Malaysia ini lebih mahal berbanding negara jiran, antaranya Thailand sekitar RM4.20, Indonesia lebih kurang RM4.40, dan Singapura hampir mencapai RM9 seliter membolehkan sebilangan permintaan sektor komersial tempatan yang sepatutnya membeli diesel pada harga pasaran mengambil kesempatan menikmati dan melewngi diesel bersubsidi secara tidak sah.

"Contohnya, mereka beli diesel bersubsidi daripada stesen minyak dan disalah guna untuk gen-set di kilang, tapak pembinaan atau ladang sawit.

"Itu lebih utama lahal akibat harga diesel kita murah, ia menyebabkan aktiviti penyeludupan diesel ke negara jiran sukar dibendung. Inilah yang di temui Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak (KPDN) semasa Op Tiris," katanya.

"Ini bermakna, trend peningkatan jualan diesel komersial menggambarkan tanda positif bahawa ketirisan diesel bersubsidi sudah berkurang"

Menteri Kewangan II, Amir Hamzah Azizan

TIADA LAGI UNTUNG BESAR

HANYA DI
EKSKLUSIF
SINAR HARIAN

■ Rakyat Thailand yang selama ini mengaut untung hasil jualan diesel bersubsidi diseludup dari negara ini bagaikan hilang punca pendapatan susulan langkah penyasaran subsidi diesel oleh kerajaan Malaysia, malah ada yang mendakwa keuntungan mereka merosot sehingga 60 peratus.

■ Tinjauan wartawan *Sinar Harian* dari Pekan Golok ke Tak Bai di Thailand juga mendapati rata-rata penjual di gerai tepi jalan mengeluh kerana kesukaran mendapatkan bahan api tersebut walaupun mendapat permintaan tinggi.

■ Sementara itu, Menteri Kewangan II, Datuk Seri Amir Hamzah Azizan turut mendedahkan jualan diesel di sempadan turun 40 peratus dan jualan di seluruh negara menurun hampir lapan juta liter sehari, manakala jualan diesel untuk komersial meningkat empat juta liter sehari.

MUKA 2 & 3



Pendapatan peniaga di sempadan yang didakwa merosot sejak Malaysia menaikkan harga diesel dari RM2.15 kepada RM3.35 setliter.

Keuntungan turun 60 peratus, bekalan bahan api seludup dari Malaysia makin susah dapat

Oleh WARTAWAN
SINAR HARIAN
NARATHIWAT

PENJUALAN DIESEL SELUDUP DI SELATAN THAILAND

JUMLAH PENJUAL

- Golok ke Tak Bai (40km) 57 gerai
- Tak Bai ke Golok (40 km) 35 gerai

HARGA DIESEL

- Tong plastik 8 liter 280-310 baht (RM36-RM40)
- Botol kaca 1 liter 30-31 baht (RM3.80-RM4)

HARGA PETROL

- Tong plastik 8 liter 250 baht (RM32)
- Botol kaca 1 liter 26-30 baht (RM3.60-RM3.90)

HARGA DI STESEN MINYAK

THAILAND

- Diesel 33.48 baht (RM4.30 seliter)
- Petrol 38.99 baht (RM5 seliter)

MALAYSIA

- Diesel RM3.35
- RON95 RM2.05

Rakyat Thailand yang selama ini mengantung untung besar hasil penjualan minyak diesel bersubsidi yang seludup dari Malaysia, mula terasa bahang susulan langkah penyasaran subsidi oleh kerajaan.

Rata-rata penjual minyak diesel subsidi Malaysia di gerai-gerai tepi jalan kini bagaimanapun hilang punca pendapatan walaupun bahan api itu mendapat permintaan tinggi memandangkan ramai pengguna di negara itu menggunakan kenderaan pacuan empat roda.

Tinjauan Sinar Harian juga mendapati rata-rata penjual mengeluh apabila mendakwa sukar mendapatkan bahan api seludup sejak Malaysia meningkatkan harga diesel sebanyak 56 peratus dari RM2.15 seliter kepada RM3.35 seliter bermula 10 Jun lalu.

Margin keuntungan yang kecil susulan harga bahan api dinaikkan oleh kerajaan Malaysia dan pengaruh kuasa yang ketat dipercayai menjadikan puncak bekalan di selatan negara itu semakin berkurangan.


Harga seliter diesel di stesen minyak di negara itu ialah RM4.30 namun penjual di tepi jalan ini menjual diesel seludup pada harga lebih murah iaitu RM3.80 hingga RM4 seliter.

Ini bermakna perbezaan harga diesel seludup dengan harga di Malaysia kini cuma 65 sen berbanding RM1.85 sebelum ini. Ibu belum lagi termasuk kos tambahan yang terpaksa dibayar penjual kepada pembekal (penyeludup) selajar 20 sen bagi setiap liter.

Dengan kata lain, keuntungan semakin mengecil, dan mereka perlu menjual 100 liter diesel untuk mangutip untung RM45 sehari.

Berdasarkan tinjauan Sinar Harian dari Pekan Golok ke Tak Bai sejauh 40 kilometer mendapat terdapat hampir 100 gerai

Penjual minyak subsidi Thailand terasa bahang



Rata-rata penjual minyak di gerai-gerai di sepanjang jalan di wilayah Narathiwat mengeluh kerana sukar mendapatkan bekalan diesel seludup sejak Malaysia mengapungkan harga bahan api itu dari RM2.15 kepada RM3.35 seliter.

yang menjual bahan api seludup dari Malaysia untuk kegunaan penduduk di wilayah tersebut.

Baikmanapun, permintaan ke atas petrol RON95 sangat tinggi kerana bahan api subsidi tersebut masih dijual pada harga RM2.05 seliter di Malaysia berbanding RM5 di Thailand.

Seorang penjual bahan api dikenali sebagai Mek, 52, berkata, langkah kerajaan Malaysia itu menyebabkan bahan api sukar diperoleh.

"Katakan, situasi itu mengakibatkan separuh daripada pendapatan mereka hilang dan sekaran bergantung sepenuhnya kepada penjual petrol RON95."

"Boleh dikatakan pendapatan merosot kerana kebiasaannya diesel lebih laku di sini sebab ramai yang gundu tak pakap."

"Saya dimaklumkan bekalan dari negara jiran sukar kerana harga sudah hampir sama dengan di Thailand. Pengawasan pihak berkuasa juga ketat," katanya kepada Sinar Harian.

Mek memberitahu, ketika in

penyeludup bahan api lebih berwaspada bagi mengelakkan mereka diculik anggota penguatan kuasa di sempadan Malaysia.

Seorang lagi penjual yang dikenali sebagai Mar, 52, yang sudah 20 tahun menjalankan jualan bahan api di Malaysia sebagai mata pencarian berkata, dia kini fokus kepada petrol sahaja kerana menjual diesel tidak lagi banyak untung.

"Pendapatan saya jatuh hambar 60 peratus jika dibandingkan dengan sebelum ini. Kami memang bergantung kepada jualan bahan subsidi dan Malaysia untuk menampung kehidupan," katanya.

Bagi Hin, 45, pula, majoriti penduduk di sini mengharapkan barang subsidi Malaysia untuk menurunkan kelongsongan hidup.

Ketanya, sudah puluhan tahun penciduk di Selatan Thailand bergantung kepada petrol dan diesel dari Malaysia.

"Bukan sahaja petrol tetapi barang keperluan lain seperti minyak masak, tepung dan gula

dari Malaysia sudah lama kami gunakan dan boleh didapati dengan mudah," jelasnya.

Sementara itu, Pengarah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sera Hidup Kelantan, Azman Ismail berkata, pihalknya sudah menempatkan anggota penguatan kuasa secara statik di beberapa buah stesen minyak dekat sempadan Malaysia-Thailand di negeri ini dalam usaha membendung penyeludupan.

Ujarnya, ia melibatkan stesen di Bukit Bunga (Terus Merah), Rantau Panjang (Pasir Mas) dan Pangkal Kubor (Tumpat).

"Pada masa sama anggota penguatan kuasa secara statik turut ditempatkan di pintu masuk utama ke negara ini iaitu di Kompleks Imigresen, Kastam, Kuarrantin dan Keselamatan (IKQS) Bukit Bunga, Rantau Panjang serta Pengkalan Kubor."

"Hasil daripada pengaruh kuasa statik ini mendapat jualan bahan api terutama diesel turun mendekat," katanya.

Jualan diesel di sempadan turun 40 peratus

Jualan keseluruhan turun 8 juta liter sehari, diesel komersial naik 4 juta liter

Oleh DIANA AZIS dan NOR SYAMIRA LIANA NOR ASHAHA
KUALA LUMPUR

Jualan diesel di sempadan menunjukkan penurunan sebanyak 40 peratus sejak kerajaan manakin harga bahan bakar itu dari RM2.15 kepada RM3.35 bermaula 10 Jun lalu, sekali gus mengesahkan memang wujud aktiviti penyeludupan sejumlah besar bahan api ke negara jiran sebelum ini.

Menyatakan Kewangan II, Datuk Seri Amir Hamzah Azizan berkata, langkah penyasaran subsidi diesel itu juga menyaksikan jumlah jualan runut di stesen minyak menurun hampir lapan juta liter sehari atau 30 peratus untuk minggu pertama berbanding minggu sebelumnya, manakala jualan diesel komersial meningkat empat juta liter sehari dalam tempoh sama.

Upaya itu tersebut membuktikan sebahagian daripada diesel runut bersubsidi selama ini telah digunakan oleh pihak industri yang sepatutnya membeli diesel pada harga pasaran.

"Trend peringkatan jualan diesel komersial menggambarkan tanda positif bahawa ketirisan diesel bersubsidi telah berkurang."

"Antara maklumat yang diterima dari pada salah satu syarikat minyek, jualan diesel di sempadan menunjukkan penurunan 40 peratus dan mengesahkan sebelum ini memang wujud aktiviti penyeludupan diesel ke negara sempadan," jelasnya.

Beliau berkata demikian ketika sesi perbincangan mengenai penyasaran semula



Stesen minyak di Rantau Panjang, Kelantan. Kehadiran kenderaan dari negara jiran untuk membeli diesel di sempadan berkurang susulan harga diesel naik.

subsidi diesel di Dewan Rakyat pada Isnin.

Menurul Amir Hamzah, badan dan penguat kuasa kini giat bekerjasama dan mengatur gerak pelbagai operasi bagi membendung aktiviti penyeludupan.

Beliau berkata, tindakan berkenaan juga bertujuan memberantas sebarang elemen yang boleh menjelaskan ketabilan bekalan berangan dan perkhidmatan serta meningkat pencatutan harga di pasaran.

Pasukan petugas tersebut melibatkan Kementerian Dalam Negeri dan Kos Sera Hidro dengan kerjasama Angkatan Tentera Malaysia, Polis Diraja Malaysia, Jabatan Kastam Diraja Malaysia, Agensi Pengawalkuasaan Maritim Malaysia, Jabatan Imigresen Malaysia, dan Jabatan Pengangkutan Jalan.



AMIR HAMZAH

"Ops Tiris 3.0 yang berlangsung pada 1 Januari hingga 22 Jun lalu merekodkan sebanyak 570 kali melibatkan sebuaht minyak diesel lebih 5.1 juta liter dengan anggaran nilai hampir RM12 juta.

"Nilai rampasan aset dan peralatan berjumlah RM46 juta serta 275 tangkap telah dilaksanakan ke atas individu terlibat," jelasnya.

Amir Hamzah berkata, kerajaan masih menarikkan subsidi diesel sehingga RM10 bilion walaupun penjimatannya dianggarkan sebanyak RM4 bilion setahun berdasarkan pemasaran semula subsidi diesel.

Beliau berkata, ini untuk menampung subsidi di Sabah dan Sarawak, subsidi untuk sektor pengangkutan awam dan sektor logistik Semenanjung Malaysia, bantuan tunai untuk pemilik kenderaan

INFO HARGA BAHAN API DI MALAYSIA

	RON95	RM2.05
	RON97	RM3.47
	DISEL	RM3.35

SUBSIDI BERSASAR

KATEGORI	HARGA
Kenderaan logistik dengan kad fleet	RM2.15 seliter
Pengangkutan awam	RM1.88 seliter
Nelayan	RM1.65 seliter
Individu petani/pekebun	(RM200 sebulan)
Setakat 19 Jun 2024, kira-kira 100,000 pemilik kenderaan diesel individu, petani dan pekebun kecil mula terima RM200 bantuan bulanan Budi Madani.	

individu dan pengusaha kecil-agrikomoditi serta subsidi diesel nelayan.

Mengenai Budi Madani, Amir Hamzah berkata setakat 19 Jun lepas, sebanyak 100,000 pemohon di bawah kategori individu dan agrikomoditi telah diluluskan.

Dengan jumlah itu, katanya, sebanyak 76,000 pemohon telah menerima bantuan tunai bulanan RM200 seawal 10 Jun lepas.

Katanya, jumlah diesel berasubsidi yang digunakan naik mendak sekitar 80 peratus iaitu daripada 6.1 billion liter pada 2018 kepada 10.8 billion liter pada 2023 walaupun tiada peningkatan ketara kenderaan diesel baharu.

Pada masa sama, katanya, jumlah jualan diesel komersial tanpa subsidi pula telah turun sebanyak dua billion liter dalam tempoh tersebut.

Sebelum ini, katanya harga diesel bersubsidi adalah RM2.15 seliter sedangkan harga komersial telah mencapai RM3.50 seliter.

KPDN keluar 210 notis, buka 7 kertas siasatan

KUALA LUMPUR - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak (KPDN) telah mengeluarkan sebanyak 210 notis dan membuka tujuh kertas siasatan berkaitan peniaga mengambil kesempatan menaikkan harga susulan penyasaransubsidi diesel.

Timbalan Menterinya, Fuziah Saleh berkata, sebulan sebelum Ops Kesan 2.0 dimulakan, pihaknya telah memulakan operasi pra-Ops Kesan.

Menurutnya, melalui operasi berkenaan, KPDN berjaya mengumpulkan sebanyak 1,772 stok simpanan dan ia dilakukan untuk memudahkan perbandingan harga sebelum dan selepas penyasaransubsidi diesel dilaksanakan.

"Setakat ini selepas penyasaransubsidi



FUZIAH

diumumkan, kita telah memeriksa lebih kurang 2,790 premis.

"Pada 23 Jun, kita telah mengeluarkan sebanyak 210 notis bertulis dan membuka tujuh kesiasatan.

"Kita dapat pada hari pertama, ada pihak mengambil kesempatan tetapi selepas notis dikeluarkan, kita panggil mereka, bagi notis untuk minta mereka jawab mengapa ada harga naik.

"Kita dapat data terkini menunjukkan keadaan agak terkawal," katanya ketika sidang Dewan Rakyat pada Isnin.

Beliau berkata demikian bagi menjawab soalan tambahan Datuk Seri Richard Riot Anak Jaem (GPS-Serian) mengenai tindak-


an kerajaan dalam mengawal kenaikan mendadak harga barang setelah penyasaransubsidi diesel dilaksanakan.

Fuziah turut memaklumkan Malaysia mengamalkan ekonomi pasaran bebas yang mana penawaran dan permintaan menentukan harga barang.

Bagaimanapun, beliau berkata, KPDN mempunyai mekanisme kawalan harga seperti meletakkan harga siling ke atas barang asas termasuk minyak masak peket, gula, serta telur ayam gred A, B dan C.

"Kita juga meletakkan harga siling pada musim perayaan iaitu ketika permintaan tinggi. Kita turut meletakkan harga siling kepada barang-barang keperluan ketika itu.

"Libat urus bersama agensi dan kementerian dengan pemain industri sentiasa dilakukan untuk memastikan mereka tidak mengambil kesempatan," ujarnya.



Targeted diesel subsidy has not caused price hikes, say traders

THE comments of vendors at wet markets, hypermarkets, sundry shops and coffeeshops are consistent with what the deputy domestic trade and cost of living minister told the Dewan Rakyat.

» REPORT ON PAGE 3

PIC BY MOHAMAD SHAHRIL BADRI SAALI

DIESEL SUBSIDY RATIONALISATION

DEWAN
RAKYAT

'ECONOMIC GROWTH TARGETS ON TRACK'

Targeted assistance will reduce pressure on consumer goods prices, says minister

GISTINA SALLEHUDIN AND
NORAIN MOHAMED RADHI
KUALA LUMPUR
newstimes.com.my

THE government is optimistic that the diesel subsidy rationalisation will not derail Malaysia's targeted inflation rate and economic growth.

Finance Minister II Dato' Seri Amir Hamzah Azizan said the government projected that inflation this year would be between two and 3.5 per cent, while gross

domestic product (GDP) growth was expected to be between four and five per cent.

The implementation of diesel subsidy rationalisation, which involves providing subsidised diesel to the logistics sector and mainly cash assistance to individuals, will reduce pressure on consumer goods prices and the impact on the public.

"Hence, even though there are significant changes in retail diesel prices, it is expected that this will not affect economic performance or the inflation rate."

he said in the Dewan Rakyat.

He added that the government also expected to achieve annual savings of RM4 billion with the rationalisation of subsidies.

These savings, he said, would be used to improve the quality of life for the people through the provision of quality public infrastructure and more comprehensive social protection measures.

This also means that although the government has taken steps to target subsidies to reduce leakages and smuggling, those in need will continue to re-

ceive assistance and diesel subsidies.

"However, it should be noted that the government still bears up to RM10 billion for diesel subsidies despite saving RM4 billion a year."

This amount includes subsidies given to Sabah and Sarawak (RM3 billion), subsidies for the public transport and logistics sectors in Peninsular Malaysia (RM4 billion), cash assistance for diesel vehicle owners and agro-commodity smallholders (RM2 billion), and subsidies for fishermen (RM1 billion)."



Datuk Seri Amir Hamzah Azizan

AID REACHING TARGETED GROUPS

Prices of essential goods stable, say traders

KUALA LUMPUR: Prices of many essential goods are unchanged since the rationalisation of diesel subsidies in Peninsular Malaysia two weeks ago.

Some goods, like chicken and certain types of fish, have even seen a drop in prices, though prawns are slightly costlier in some areas.

However, traders say this has more to do with supply and demand, rather than the price of diesel, which remains subsidised for the logistics and public transport sectors.

Checks by the *New Straits Times* at wet markets, hypermarkets, sundry shops, coffeeshops and eateries in the Klang Valley found that most businesses have not raised prices.

Ummi Saffiyah Baharudin, 32, a butcher, said the prices of chicken and meat have been increasing steadily, with chicken priced at RM10 per kg and meat selling for RM32 per kg.

"Although the prices increase, on average, it is only up by 30 or 40 sen. The last time we increased prices was at the end of May."

"It all depends on our suppliers. If they increase prices, we have to increase them as well," the Chow Kit market trader said.

Seafood seller Amiral Hadiqin, 26, at Pasar Moden Seksyen 6, Shah Alam, said seafood prices were generally stable.

"But the prices of squid and prawns will depend on supply and demand, especially during



Shoppers buying fish at Kuala Lumpur's Chow Kit market recently. (Inset) Butcher Ummi Saffiyah Baharudin says price increases are dependent on the suppliers. PIX BY MOHAMED SHAHILI DABIRI/NSTP

the festive season.

"For example, today, the price of squid has increased from RM30 to RM35 a kg, but this is not due to the rationalisation of the diesel subsidy," he said.

Grocery store owner Raymond Goh, 58, said suppliers should not increase the prices of essentials as the transport sector still enjoyed fuel subsidies.

"The government should take strict action if they still increase prices after receiving aid," he said at his store in Petaling Jaya, Petaling Jaya.

ABT Rizal Mohamad, 38, a coffee stall owner in Seksyen 7, Shah Alam, who uses diesel for his vehicle, said his prices were unchanged because he received a fleet card from the government.

"Although I use a diesel vehicle for transporting my goods, I received the fleet card which enables me to absorb the increase in diesel price."

"So far, I haven't felt much impact because the amount provided by the government is sufficient and the prices of coffee and other ingredients have remained

